



SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELEPASAN TARAF KEWARGANEGARAAN
PERKARA 23 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1) ISI DAN LENGKAPKAN 2 HELAI BORANG K

- a) 2 keping gambar terbaru berukuran pasport berlatar belakang warna biru pemohon
- b) Menurunkan cap ibu jari kiri & kanan di muka surat 1 Borang K
- c) Bayaran pendaftaran permohonan RM10.00
- d) Borang K hendaklah ditandatangani dan disahkan dihadapan Majistret/ Jaksa Pendamai/ Peguamcara/ Notari Awam/ Pesuruhjaya Sumpah

2) DOKUMEN PEMOHON:

i. Dokumen Malaysia (ASAL & SALINAN)

- a) Kad Pengenalan Malaysia * (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru bagi lahir di Malaysia atau Borang W/H bagi kelahiran luar negara (**mandatori**)
- c) Sijil Warganegara Malaysia (SWN) / Sijil Pengesahan Taraf Warganegara (PTW) * (**mandatori**)
(jika taraf kewarganegaraan diperoleh melalui SWN/PTW)
- d) Pasport Malaysia atau lain-lain dokumen perjalanan (jika ada)

ii. Dokumen Negara Asing (ASAL & SALINAN)

- a) Pasport Negara Asing (**mandatori**)
- b) Sijil Warganegara Asing atau Salinan Surat Pengesahan yang pemohon akan menjadi warganegara asing (**mandatori**)
- c) Dokumen perkahwinan (jika perempuan yang berumur bawah 21 tahun)

PERINGATAN:

1. Pemohon dan subjek perlu hadir di hadapan Pegawai Konsul atau Pendaftar Warganegara semasa pendaftaran permohonan dan berpakaian kemas.
2. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
3. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika pemohon pernah memiliki dokumen berkenaan.
4. Pemohon perlu kemukakan laporan polis jika tiada dokumen asal bagi yang bertanda *.
5. Pemohon perlu mendapatkan cop pengesahan dari kedutaan sekiranya tidak mengemukakan dokumen asal di hadapan Pendaftar (bagi salinan Pasport Negara Asing dan salinan Sijil Warganegara Asing).
6. Bagi negara yang hanya mengeluarkan Surat Pengesahan yang pemohon akan menjadi warganegara asing, pemohon perlu mendapatkan cop pengesahan dari Kedutaan Negara berkenaan ke atas salinan tersebut.
7. Akuan Sumpah (di ruangan belakang Borang K) hendaklah dibuat pada hari yang sama permohonan dikemukakan.
8. JPN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
9. Hanya pemohon yang mengemukakan permohonan boleh mengambil dokumen yang telah siap.
10. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.